

RESIDIVISME-DESISTAN DAN EKOLOGI INTEGRASI SEMULA BEKAS BANDUAN (RDEI)

*Mohd Alif Jasni¹, Siti Hajar Abu Bakar Ah², Noralina Omar²
& Norruzeyati Che Mohd Nasir³

¹ Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia dan Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Malaysia

² Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

³ Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia dan Asian Research Institute for Corporate Governance, (ARICG).

*Corresponding author's email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my

ABSTRAK

Karya ini merupakan model yang membincangkan tentang faktor risiko dan pelindung yang hadir dalam kehidupan bekas banduan sepanjang berintegrasi semula. Model ini menunjukkan bekas banduan berada di dalam suatu ekologi kehidupan di mana faktor risiko dan pelindung ini akan mengelilingi sepanjang proses integrasi. Faktor ini menentukan sama ada bekas banduan ini cenderung untuk terlibat di dalam pengulangan jenayah (residivisme) atau berhenti jenayah (desistan). Model ini menunjukkan dengan teliti faktor risiko dan desistan yang boleh wujud di dalam proses integrasi semula bekas banduan. Malahan, model ini menunjukkan kehidupan bekas banduan bukan suatu yang mudah apabila ia melibatkan perjalanan yang berliku dan mencabar. Malahan, model ini juga menunjukkan tentang titik yang membawa maksud tentang peristiwa kehidupan yang dilalui oleh bekas banduan. Model ini dijangka dapat memberi inspirasi kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk memahami proses kehidupan yang bakal dilalui oleh bekas banduan. Ia bertujuan agar Jabatan Penjara Malaysia lebih cakna dengan proses integrasi semula dan mengambil inisiatif untuk memperkenalkan program pasca pembebasan yang lebih holistik pada masa akan datang. Residivisme-desistan dan ekologi integrasi semula bekas banduan (RDEI) telah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 3 Mei 2021 dengan nombor pendaftaran LY2021P01606

Kata kunci: faktor risiko, faktor pelindung, residivisme, desistan, bekas banduan, integrasi semula

1. PERIHAL KARYA

Sehingga akhir Disember 2020, Jabatan Penjara Malaysia (2021) melaporkan terdapat seramai 32,902 orang pengulang laku jenayah yang telah dipenjarakan semula di penjara-penjara seluruh negara di Malaysia. Perangkaan ini telah membuktikan masih terdapat ramai bekas banduan yang terjebak semula ke dalam jenayah ketika berada dalam proses integrasi semula dengan anggota masyarakat. Secara tidak langsung, jumlah residivisme yang masih tinggi juga memperlihatkan bahawa ramai bekas banduan yang masih kurang berupaya untuk berintegrasi semula dengan masyarakat umum. Ataupun, anggota masyarakat tidak dapat menerima kehadiran bekas banduan di dalam kehidupan mereka. Perkara ini juga menunjukkan yang integrasi semula bukanlah satu proses yang mudah buat bekas banduan. Mereka terpaksa mengharungi cabaran yang besar selepas dibebaskan dari penjara. Jumlah pembebasan dan banduan pengulang laku jenayah di dalam Jadual 1.1:

Jadual 1.1. Jumlah pembebasan dan banduan pengulang laku jenayah, 2010-2019

Tahun	Bebas 3 Tahun	Banduan Pengulang laku Jenayah	
	Jumlah (Orang)	Jumlah (Orang)	Peratus (%)
2010	75,397	5,524	7.32
2011	76,699	6,033	7.86
2012	81,862	6,524	7.97
2013	88,883	6,769	7.61
2014	94,495	7,619	8.06
2015	102,214	8,897	8.70
2016	110,683	9,875	8.92
2017	124,567	11,520	9.25
2018	134,690	13,896	10.32
2019	143,636	15,410	10.88
2020	210,251	32,902	15.64


Sumber: Jabatan Penjara Malaysia (2021)

Residivisme dan desistan merupakan dua fenomena sosial yang bertentangan; walaupun keduanya berlangsung dalam proses integrasi semula bekas banduan ke dalam kehidupan masyarakat. Kewujudan kedua-dua fenomena tersebut ditentukan oleh kehadiran sekelompok faktor risiko (*risk factors*) dan faktor pelindung (*protective factors*) dalam persekitaran sosial bekas banduan, yang boleh menjadi sama ada faktor pendorong atau faktor penghalang untuk mereka terlibat semula dengan aktiviti jenayah atau sebaliknya. Faktor risiko adalah faktor-faktor prajadi yang mendorong bekas banduan untuk terlibat semula dalam kehidupan berisiko (Andrew & Dowden, 2006; Bonta, & Wormith, 2008; Casey, Warren & Elek, 2011; Hanson & Morton-Bourgon, 2005). Sebaliknya, faktor pelindung pula merupakan satu rangkaian faktor penghalang yang melindungi bekas banduan daripada pengaruh untuk terlibat semula dengan aktiviti jenayah (Laub & Sampson, 2003; Maruna, 2001).

Perbezaan yang wujud di dalam kedua-dua fenomena ini telah menarik minat pengkaji untuk memberi tumpuan kepada faktor-faktor risiko dan faktor-faktor pelindung yang wujud dalam proses integrasi semula yang menyebabkan bekas banduan menjadi sama ada pengulanglaku jenayah atau berhenti dari jenayah (Farrall & Calverley, 2006; McGrath, Lasher & Cumming, 2011). Kertas konsep ini memfokus kepada faktor-faktor prajadi residivisme dan berhenti dari jenayah bagi menunjukkan satu konsensus baru yang penting dalam menjelaskan dua keadaan. Keadaan pertama adalah mengapa terdapat segelintir bekas banduan masih melibatkan diri di dalam kehidupan jenayah selepas dibebaskan daripada penjara? Keadaan kedua pula adalah mengapa terdapat segelintir bekas banduan berjaya mengelakkan diri dari mengulanglaku jenayah selepas dibebaskan daripada penjara? Pemahaman yang komprehensif mengenai peranan faktor risiko dan faktor pelindung dalam mempengaruhi bekas banduan untuk menjadi sama ada mengulangi jenayah atau berhenti dari jenayah mampu membekalkan maklumat yang realistik mengenai tindakan-tindakan intervensi yang boleh diambil di dalam proses integrasi semula bagi memastikan bekas banduan tidak lagi melibatkan diri dalam perlakuan atau aktiviti jenayah.

Model ini bertujuan untuk memberi gambaran sebenar tentang ekologi kehidupan bekas banduan sepanjang integrasi semula selepas dibebaskan dari penjara. Model ini menunjukkan bekas banduan akan melalui suatu proses integrasi semula dalam proses kehidupan menuju sama ada ke arah residivisme jenayah atau desistan dari jenayah. Bekas banduan yang dihadiri faktor risiko akan berterusan menjadi residivis manakala yang dikelilingi oleh faktor pelindung akan membuat bekas banduan berintegrasi semula atau turut dikenali sebagai desistan. Pengkaji melampirkan Rajah 1.1. Residivisme-Desistan Dan Ekologi Integrasi Semula Bekas Banduan (RDEI).

Model Residivisme-Desistan dan Ekologi Integrasi Semula Bekas Banduan (RDEI)



Rajah 1.1. Residivisme-Desistan Dan Ekologi Integrasi Semula Bekas Banduan (RDEI)

2. FUNGSI DAN OBJEKTIF KARYA

Objektif model ini adalah untuk memahami ekologi integrasi semula bekas banduan sama ada dikelilingi faktor risiko atau faktor pelindung. Terdapat faktor risiko statik dan dinamik yang menentukan proses pengulangan jenayah selepas berintegrasi semula. Sementara itu, faktor pelindung seperti dalaman dan luaran menentukan kejayaan bekas banduan berintegrasi semula.

3. KEGUNAAN KARYA

Model ini bertujuan untuk membantu Jabatan Penjara Malaysia untuk memahami tentang ekologi integrasi semula bekas banduan selepas dibebaskan.

4. KOMPONEN, UNSUR DAN FASA KARYA

Model ini melibatkan faktor-faktor risiko dan faktor-faktor pelindung yang mengelilingi ekologi integrasi semula bekas banduan. Faktor risiko terdiri daripada faktor risiko statik dan dinamik. Faktor risiko statik adalah tetap, tidak berubah-ubah dan sangat berguna dalam menilai potensi pengulangan jenayah jangka panjang. Contoh faktor risiko statik adalah seperti sejarah jenayah, umur pada kemasukan pertama ke perkhidmatan pemulihan, rekod pemenjaraan dan kesalahan yang berkaitan dengan pengulangan jenayah. Walaupun faktor statik tidak boleh diubah dengan rawatan, ia menyediakan maklumat penting dalam menilai risiko yang terdapat dalam seseorang bekas banduan. Faktor risiko dinamik boleh berubah dari masa ke masa, terutama selepas menerima rawatan. Faktor-faktor dinamik boleh berubah sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan dalaman dan luaran atau persekitaran, yang seterusnya boleh menghalang pengulangan jenayah. Faktor risiko dinamik boleh berubah dari semasa ke semasa, dan oleh itu, intervensi perlu dibangunkan untuk menangani domain-domain kriminogenik ini. Faktor risiko termasuk ketiadaan tempat tinggal, pengangguran, penolakan keluarga, rakan antisosial, pendiskriminasian masyarakat, ketagihan arak dan alkohol dan ketiadaan sistem sokongan sosial.

Model ini juga menunjukkan bekas banduan yang dikelilingi faktor pelindung akan lebih cenderung untuk ke arah desistan dari jenayah. Desistan adalah proses menjauhkan diri dari melakukan jenayah atau dipanggil sebagai pemberhentian dari jenayah. Model ini membahagikan faktor-faktor yang mendorong individu untuk menjauhkan diri daripada perlakuan jenayah kepada dua kelompok utama; iaitu: (i)Faktor luaran dan (ii)Faktor dalaman. Antara faktor luaran yang boleh menghalang

bekas banduan daripada terlibat semula dengan jenayah adalah seperti berikut: (i) pekerjaan yang sah dan pendapatan yang stabil, (ii) Penerimaan keluarga, berumah tangga dan tanggungjawab perkahwinan dan (iii) Kawasan kediaman, masyarakat sekeliling dan pengaruh rakan sebaya yang positif. Bagi faktor dalaman pula melibatkan (i) kematangan dan usia dan (ii) harapan dan motivasi.

Kesemua faktor-faktor yang dikelilingi bekas banduan ini boleh menentukan bentuk ekologi integrasi semula yang boleh dicapai oleh bekas banduan; sama ada berterusan residivisme atau desistan dari jenayah.

Dalam model ini, ekologi integrasi semula merujuk kepada interaksi faktor-faktor risiko dan pelindung di dalam kehidupan bekas banduan yang menentukan sama ada mereka akan cenderung untuk residivisme jenayah atau desistan dari jenayah. Garis berliku dalam model ini menunjukkan kehidupan bekas banduan yang mencabar dan berliku dengan turun dan naik. Sementara itu, titik yang diletakkan sepanjang garis itu menunjukkan peristiwa hidup yang dilalui oleh bekas banduan di dalam komuniti.

5. FAEDAH DAN SUMBANGAN KARYA

Model ini bertujuan untuk membantu agensi kerajaan seperti Jabatan Penjara Malaysia untuk mendapat manfaat dari model ini apabila agensi sebegini amat mengambil berat tentang kejayaan bekas banduan dalam integrasi semula.

6. LATAR BELAKANG PEREKA KARYA

Mohd Alif bin Jasni (PhD) merupakan pensyarah kanan dari Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar, Kerja Sosial (SAPSP), Universiti Utara Malaysia. Beliau merupakan pemegang Doktor Falsafah dalam bidang Keadilan Sosial dari Universiti Malaysia. Bidang kepakaran beliau dalam pemulihan jenayah, bekas banduan, gelandangan bekas banduan, pengulangan jenayah.

Siti Hajar Abu Bakar Ah (PhD) merupakan Profesor di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya. Bidang kepakaran utamanya adalah Dasar Sosial. Selama 20 tahun, beliau terlibat dalam mengembangkan dan mempromosikan peluang pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang kebajikan sosial dan pekerjaan sosial. Minat kajiannya tertumpu pada program penjagaan sosial untuk kanak-kanak yang berisiko di Malaysia, kesejahteraan kanak-kanak dan perkembangan sosial untuk kumpulan sosial yang rentan.

Noralina Omar (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kerja Sosial Keluarga, Master Sains dalam bidang Ekologi Keluarga dan Bachelor Sains (Pembangunan Manusia). Bidang minat beliau ialah kesejahteraan keluarga dan kanak-kanak manakala kajian beliau banyak tertumpu kepada kesejahteraan golongan kurang bernasib baik dan terpinggir.

Norruzeyati Che Mohd Nasir (PhD) merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kerja Sosial Koreksional dari Monash University, Australia. Bidang kepakaran beliau merangkumi kerja sosial dalam pusat pemulihan/koreksional, kriminologi, delinkuensi, penyalahgunaan bahan, pesalah seksual, residivisme, integrasi semula dan penyelidikan kualitatif.

RUJUKAN

- Andrews, D.A & Dowden, C. (2006). Risk principle in case classification in correctional treatment: A meta-analytic investigation. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 50(1), 88-100.
- Bonta, J & Wormith, S. (2008). Risk and need assessment. Dalam G. McIvor, & P. Raynor (Eds.), *Developments in social work with offenders*, (pp. 131–152). London: Jessica Kingsley.
- Casey, M., Warren, K & Elek, K. (2011). Using Offender Risk and Needs Assessment Information at Sentencing: Guidance for Courts from a National Working Group. Diakses pada 8 Februari 2017 dari National Centre for State Court: <http://www.ncsc.org/~media/Microsites/Files/CSI/RNA%20Guide%20Final.ashx>
- Farrall, S & Calverley, A. (2006). *Understanding desistance from crime, crime and justice series*.

- London: Open University Press.
- Hanson, R & Morton-Bourgon, K. (2005). The characteristics of persistent sexual offenders: A meta-analysis of recidivism studies. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 73(6), 1154-1163.
- Laub, J & Sampson, R. (2003) *Shared beginnings, divergent lives: Delinquent boys to age 70*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Maruna, S. (2001). *Making good: How ex-convicts reform and rebuild their lives*. Washington DC: American Psychological Association Books.
- McGrath, R., Lasher, M & Cumming, G. (2011). A model of static and dynamic sex offender risk assessment. Diakses pada 23 June 2017 dari Vermont Department of Corrections